

TARIKH	19 / 9 / 2016	SEKSYEN	RENCANA
MUKA SURAT	II	RUANGAN	

TABUNG HAJI BUKIT KEMAMPUAN



ZULKIFLEE
BAKAR

Melaporkan dari MEKAH, ARAB SAUDI



SEBAHAGIAN daripada kumpulan pertama seramai 442 Jemaah haji Malaysia yang pulang ke tanah air tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), semalam.

SEMALAM kumpulan pertama jemaah haji Malaysia tiba di tanah air. Ini bermakna tugas Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) menguruskan jemaah pada tahun ini akan sampai di penghujungnya.

Seperi digdu sekali lagi, Tabung Haji berjaya melaksanakan tanggungjawabnya untuk memastikan umat Islam di negara kita mampu menuaikan ibadah dengan berilmu dan tertib.

Walaupun berhadapan dengan jemaah haji yang mempunyai pelbagai latar belakang dan ragam, namun bukanlah halangan untuk Tabung Haji meneruskan kecemerlangan dalam perkhidmatannya.

Seperi tahun-tahun sebelumnya, Tabung Haji sentiasa melakukan penambahbaikan dan memperbaiki kelehamahan yang dikenalpasti oleh para jemaah haji.

Begitulah juga tahun ini apabila Tabung Haji meningkatkan kualiti perkhidmatannya dalam beberapa perkara. Iini termasuklah memperkenalkan 'Safari Wukuf' yang bertujuan memastikan kesemua jemaah haji yang dirawat di pusat rawatan Tabung Haji di Mekah dapat berwukuf di Arafah - salah satu rukun penting dalam ibadah haji.

Walaupun terdapat lima orang jemaah tidak dapat berbuat demikian kerana berada dalam kategori yang dianggap kritis namun ini sama sekali tidak menjelaskan matlamat program tersebut.

Keprihatinan Tabung Haji berterusan apabila 60 warga emas dipilih mengikuti program kebajikan 'satu petugas satu jemaah'. Melalui program itu, mereka akan dibantu melaksanakan ibadah dalam operasi mayair melibatkan wukuf di Arafah, bermalam di Muzdalifah dan melontar di Mina.

Apa yang menarik melalui Tabung Haji, Malaysia antara beberapa negara yang memahami sepenuhnya beberapa syarat baharu dari segi pemantauan jemaah haji yang lebih efisien khususnya dalam aspek keselamatan yang diperkenalkan oleh Arab Saudi.

Hakikatnya, penulis tidak perlu menghuraikan secara mendalam apa lagi yang dilakukan oleh Tabung Haji dalam menguruskan jemaah kita tetapi apa yang pasti umat Islam Malaysia beruntung kerana mempunyai agensi seperti Tabung Haji.

Sepanjang hampir 56 hari membuat liputan pelaksanaan ibadah haji musim ini bermula dari Madinah dan kemudian Mekah, penulis melihat sendiri bagaimana gigihnya Tabung Haji melalui para petugasnya melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang diberikan.

Walaupun ada segelintir jemaah masih tidak berpuas hati dengan khidmat yang diberikan namun ini perkara biasa. Bak kata orang, kita tidak boleh memuaskan hati semua pihak.

Tetapi apa yang pasti pengurusan Tabung Haji bukan kelompok yang memekak telinga atau membutakan mata dalam usaha me-

lakukan penambahbaikan dalam perkhidmatannya.

Sebab itulah setiap kali musim haji berakhir Tabung Haji akan mengadakan *post mortem* bagi membincangkan sebarang permasalahan dari segi operasi. Iini belum lagi mengambil kira bagaimana muzakarah haji peringkat kebangsaan turut diadakan setiap tahun..

Muzakarah itu yang disertai oleh alim ulama dan pakar rujuk Tabung Haji bertujuan mengetahui pasti permasalahan atau persoalan berkaitan hukum ketika pelaksanaan ibadah tersebut.

Apabila yang dilakukan oleh Tabung Haji itu bagi memastikan jemaah haji Malaysia bukan sahaja mendapat kemudahan selepas di tanah suci tetapi juga mempunyai ilmu.

Atas matlamat yang sama juga bakal jemaah diberikan pelbagai kursus bagi membolehkan mereka melaksanakan ibadah haji dengan sempurna.

Oleh itu mana-mana pihak tidak perlu terganggu dengan pemikiran songsang sesetengah kelompok yang sengaja mencari isu untuk memburuk-burukkan Tabung Haji. Iini termasuklah membangkitkan isu dangkal kekurangan lif di hotel-

hotel yang menjadi maktab penginapan jemaah haji.

Begitu juga apabila ada media properti yang seolah-olah mempersoalkan kenapa jemaah haji yang melakukan nafar awal selepas melontar di Mina tidak disediakan bas.

Sekali imbas mungkin ada pihak yang mempercayai keadaan ini berlaku tetapi hakikatnya jemaah haji yang terlibat bukan daripada kelompok jemaah yang layak melakukan atau nafar awal.

Bagi jemaah haji yang ditetapkan oleh Tabung Haji perlu melakukannya nafar awal memandangkan mereka perlulah membuat persiapan untuk pulang ke tanah air, bas disediakan, oleh itu mana-mana jemaah haji yang tidak termasuk dalam kategori ini, mereka perlu tanggung sendiri terhadap apa yang mereka lakukan, ini bukanlah salah Tabung Haji.

Kesimpulannya, musim haji kali ini sekali lagi membuktikan kemampuan Tabung Haji menguruskan jemaah haji Malaysia, kalaupun ada kelompok yang masih mahu mempertikalkan kewibawaan agensi itu, biarlah mereka terjun dengan labu-labu.